



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSONALITI DAN HUBUNGANNYA DENGAN DAYA TINDAK PERKAHWINAN

Oleh

HAPSAH BT. MD. YUSOF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Laporan projek penyelidikan yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat
pengijazahan Program Sarjana Sains (Kaunseling)
Jabatan Psikologi dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia
Universiti Utara Malaysia

JULAI 2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



HAKCIPTA TERPELIHARA

Hakcipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dan atau membuat salinan mana-mana bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara, apa juapun sama ada elektronik, fotokopi, mekanika rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan dari Dekan Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia.





PERAKUAN PELAJAR

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang tiap satunya telah dinyatakan sumbernya. Saya juga menyerahkan hakcipta ini kepada pihak Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia bagi tujuan penerbitan jika didapati sesuai.

Tarikh: 30/7/08

Tandatangan: [Signature]





PERAKUAN PENERIMAAN

Setelah diteliti laporan projek penyelidikan yang bertajuk **Personaliti dan Hubungannya dengan Daya Tindak Perkahwinan** yang telah diusahakan oleh Hapsah binti Md. Yusof dan telah diterima sebagai memenuhi syarat Pengijazahan Program Sarjana Sains (Kaunseling).

Diperakukan oleh:

.....
PROF. DATO' DR. AMIR AWANG



Tarikh: 30 JULAI 2004
.....





ABSTRAK

Kajian ini melihat hubungan di antara daya tindak perkahwinan dan personaliti di kalangan 170 orang ($N = 110$ wanita, 60 lelaki) subjek yang berkahwin, dan berumur di antara 22 hingga 55 tahun ($M = 40.0$, $SP = 7.82$). Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan dua alat ukur iaitu *Marital Coping Inventory* (Bowman, 1990) sebagai alat ukur daya tindak perkahwinan dan *NEO-Five Factor Inventory* (Costa & McCrae, 1992) bagi melihat personaliti. Dimensi daya tindak adalah konflik, menyalahkan diri, mementingkan diri, pendekatan positif dan pengelakan. Manakala personaliti pula merangkumi neurotik, ekstrovert, keterbukaan, kebersetujuan dan ketekunan. Analisis kajian menunjukkan wujudnya hubungan di antara beberapa dimensi personaliti dengan daya tindak. Hanya dimensi mementingkan diri tidak mempunyai hubungan dengan personaliti. Pengkaji turut melihat perbezaan daya tindak mengikut jantina, tempoh perkahwinan dan kategori umur. Implikasi dan rumusan untuk praktis klinikal dan isu untuk kajian akan datang turut dibincangkan.





ABSTRACT

This research examines the relationship between marital coping and personality among 170 married person (N=110 female, 60 male). The age range between 22 and 55 years ($M = 40.0$, $SD = 7.82$). The researcher uses two instruments, Marital Coping Inventory (Bowman, 1990) and NEO-Five-Factor Inventory (Costa & McCrae, 1992). The first instrument functions as a marital coping instrument while the second one is used to examine the personality. Coping dimensions include conflict, introspective self blame, self interest, positive approach and avoidance. Meanwhile, the personality factors are extraversion, openness, agreeableness and conscientiousness. Research findings show the existence of relationship between the two dimensions; personality and coping. The only dimension that does not have relationship with personality is self interest. In addition, the researcher examines the differences in coping by sex, marriage duration and age category. The implications and conclusion for clinical practice and issues for future research are discussed.





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini telah dapat saya sempurnakan dengan jayanya.

Penghargaan yang tiada nokhtahnya buat penyelia, Prof. Dato' Dr. Amir Awang yang sentiasa memberikan dorongan, semangat dan tunjuk ajar hingga ke tinta terakhir penulisan ini. Ucapan terima kasih turut diberikan kepada kakitangan dan warga kerja Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kastam & Eksais Di Raja dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Negeri Kedah Darul Aman di atas kerjasama yang diberikan dalam proses pengumpulan data.

Jutaan terima kasih kepada para pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Universiti Utara Malaysia, di atas ilmu yang dicurahkan dan sentiasa memberikan tunjuk ajar dan galakan sepanjang pengajian saya. Penghargaan yang tidak ternilai kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga di atas pengorbanan yang telah banyak dilakukan selama ini. Begitu juga buat sahabat perjuangan yang dikasihi, Nor Asma dan Akmarina serta rakan sepengajian di atas segala sokongan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang pengajian dan penulisan tesis ini. Terima kasih di atas segalanya.



Hapsah bt. Md Yusof
No. 94., Kg. Tersusun Tambahan
Batu 2 ½, Jalan Bidor
35000 Tapah
Perak Darul Ridzuan
No Matrik : 84188



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Dimensi dan item-item MCI	40
2. Dimensi dan item-item NEO-FFI	43
3. Nilai koefisien alfa bagi dimensi MCI	47
4. Nilai koefisien alfa bagi dimensi NEO-FFI	47
5. Nilai koefisien alfa bagi dimensi dan skala MCI	50
6. Nilai koefisien alfa bagi dimensi dan skala NEO-FFI	50
7. Taburan peratus dan kekerapan subjek	51
8. Min dan sisihan piawai dimensi dan skala personaliti dan daya tindak perkahwinan.	53
9. Pekali korelasi di antara dimensi personaliti dan dimensi daya tindak perkahwinan.	54
10. Keputusan analisis ujian t untuk melihat perbezaan daya tindak berdasarkan jantina.	57
11. Keputusan ujian ANOVA Satu Hala bagi melihat perbezaan daya tindak mengikut kategori umur.	60
12. Ujian <i>Post Hoc LSD</i> daya tindak perkahwinan mengikut kategori umur.	61
13. Keputusan ujian ANOVA Satu Hala bagi melihat perbezaan daya tindak mengikut tempoh perkahwinan	62
14. Ujian <i>Post Hoc LSD</i> daya tindak perkahwinan mengikut tempoh perkahwinan	63



SENARAI SINGKATAN

M-	Min
MCI-	<i>Marital Coping Inventory</i>
NEO-FFI-	<i>NEO Five Factor Inventory</i>
N-	Bilangan Sampel
SP-	Sisihan Piawai
SD-	<i>Standard Deviation</i>
α -	Alfa
r-	Pekali Korelasi





SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah

Muka Surat

1. Model bagi proses daya tindak

16





KANDUNGAN

Muka surat

Hakcipta Terpelihara

Perakuan

Perakuan Penerimaan

ABSTRAK

i

ABSTRACT

ii

PENGHARGAAN

iii

SENARAI JADUAL

iv

SENARAI GAMBARAJAH

v

SENARAI GLOSARI/SINGKATAN

vi

BAB

I. PENGENALAN

1

Permasalahan Kajian

3

Objektif Kajian

5

Kepentingan Kajian

6

Definisi Konseptual dan Operasional

Personaliti

7

Strategi Daya Tindak

12

Kerangka Kajian

15

Teori dan Model Kajian

16

Five factor model of model personality

16

Model daya tindak

17

Teori Pertukaran Sosial

18

Limitasi Kajian

19

Hipotesis Kajian

20

II. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pendahuluan

23

NEO-FFI

24

Marital Coping Inventory

28

Personaliti dan Daya Tindak

32

III. METOD KAJIAN

Pendahuluan

37

Rekabentuk Kajian

37

Sampel Kajian

38

Instrumen Kajian

38

Tatacara Pengumpulan Data

46

Pra kajian

46

Analisis Data

48





IV. KEPUTUSAN KAJIAN

Pendahuluan	49
Ketekalan Dalam Alat Ukur NEO-FFI dan MCI	49
Analisis Deskriptif	51
Keputusan Ujian Hipotesis	54

V. PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan	65
Perbincangan	65
Kesimpulan	71
Cadangan Kajian akan Datang	72

RUJUKAN	75
---------	----

LAMPIRAN

A. Borang Soal Selidik	79
B. Sintak	91





Bab 1

Pengenalan

Pendahuluan

Manusia sering berhadapan dengan bebanan dan tekanan yang memerlukan kepada beberapa reaksi yang berbeza untuk mengurangkan tekanan yang wujud. Ekoran dari itu, individu menjadi *distress* dan sebaliknya akan mempamerkan reaksi yang tidak sihat, manakala sebahagian lain mampu menghadapinya. Ahli teori umpamanya, mengandaikan situasi yang memberikan tekanan ini dapat diubah hanya menerusi daya tindak (Lazarus & Folkman, 1984). Oleh itu, daya tindak dilihat sebagai satu strategi dan usaha untuk membuat penyesuaian terhadap tekanan yang dialami.

Konstruk personaliti didapati boleh meramal daya tindak individu yang berbeza. Konstruk personaliti adalah dimensi perbezaan individu yang akan mempengaruhi tingkah laku seseorang di dalam kebanyakan situasi (Booth-Kewley & Vickers, 1994). Walaupun kebanyakan tingkah laku mungkin dipengaruhi oleh tujuan yang tertentu, konstruk personaliti dapat memberi gambaran yang baik mengapa





seseorang itu berdaya tindak dengan cara yang tertentu. Secara khususnya, daya tindak merupakan proses yang lahir kesan dari tekanan, manakala personaliti pula adalah perangai yang menerangkan mengapa seseorang individu itu mudah rapuh tetapi tidak bagi individu yang lain (Bolger, 1990).

Folkman & Lazarus (1980) umpamanya, menyatakan bahawa situasi yang memberikan tekanan akan mempengaruhi seseorang individu itu memilih untuk berdaya tindak. Ini diikuti oleh Mc Crae & Costa (1986) yang menyatakan terdapatnya kesesuaian daya tindak dengan personaliti. Manakala Bolger (1990) pula berpendapat bahawa daya tindak adalah sebahagian dari proses personaliti. Sehubungan itu, kajian ini memberi fokus kepada daya tindak khusus, di dalam situasi konflik perkahwinan dan seterusnya melihat kaitan daya tindak itu dengan personaliti yang wujud pada individu itu.

Terdapat dua sebab mengapa pengkaji memberi fokus kajian ini. Pertama, kerana perkahwinan adalah satu bentuk cara hidup yang penting dan amat memerlukan daya tindak apabila institusi ini digoyahkan dengan konflik. Ini berikutan dari kajian Perlin & School (1978) yang mendapati bahawa tindak balas daya tindak bagi menyelesaikan masalah amat berkesan dalam meringankan ketegangan pasangan dan perkahwinan berbanding masalah di dalam pekerjaan dan kekangan ekonomi. Kedua, ciri-ciri personaliti diandaikan memainkan peranan di dalam daya tindak perkahwinan. Sehubungan dengan itu, pengkaji membuat andaian bahawa





personaliti dan daya tindak mempunyai hubungan yang kuat dan perlu diberi penumpuan.

Permasalahan Kajian

Perkahwinan sering dianggap sebagai sumber yang memberikan kepuasan dan memenuhi keperluan diri (Kamey & Bradbury, 1995). Kualiti perkahwinan dapat dikecapi apabila pasangan dapat membuat penyesuaian di dalam perkahwinan (Levinson, 1995). Kebanyakan model perkahwinan turut menyatakan bahawa kualiti perkahwinan tidak hanya ditentukan oleh persetujuan suami isteri, tetapi bagaimana pasangan tersebut menangani kesukaran di dalam perhubungan mereka (Cohan & Bradbury, 1994). Kepuasan perkahwinan dapat menyekat wujudnya kehidupan yang negatif yang memberi kesan kepada mental dan emosi pasangan dan anak-anak. Ketidakstabilan perkahwinan menjadi salah satu sebab utama mengapa ramai pasangan berjumpa kaunselor pada hari ini.

Justeru kerana ini, pasangan perlu melihat personaliti yang wujud di antara satu sama lain bagi memudahkan kedua-dua pihak menghalang keruntuhan institusi perkahwinan. Ini kerana ciri-ciri personaliti memainkan peranan yang penting di dalam meramalkan kestabilan dan ketidakpuasan dalam perkahwinan (Kelly & Conley, 1987) serta menyumbang kepada salahsuai dan *distress* pasangan (Kamey & Bradbury, 1995).





Psikiatri dan psikoterapi cenderung untuk mengandaikan bahawa personaliti dan daya tindak saling berkaitan. Hann (1977 dalam Menaghan, 1983) mendefinisikan personaliti sebagai daya tindak dan helah bela diri berbentuk “strategi penyusunan asas yang berterusan dan digunakan oleh individu untuk mengatur pelbagai aspek dirinya”. Apabila tekanan dapat diredakan, ia akan mengurangkan *distress* dan memperbaiki sesuatu situasi (Menaghan, 1983).

Lantaran itu, personaliti yang menjadi masalah di dalam perhubungan memerlukan strategi daya tindak. Ini kerana daya tindak yang wujud dari tekanan berasal dari dimensi personaliti, (Mc Crae, 1982). Kini, ‘daya tindak’ iaitu suatu konsep yang samar telah berkembang luas dalam pelbagai disiplin termasuklah keluarga (Menaghan, 1983).

Hari ini, hubungan di antara daya tindak dengan kesukaran di dalam perkahwinan telah dimantapkan (Bouchard, Saboudn, Lussier, Wright & Richer, 1988). Terdapat beberapa pengkaji yang menyatakan perlunya beberapa kajian tentang hubungan personaliti-penyesuaian perkahwinan untuk meneroka bagaimana tret personaliti mempengaruhi jenis-jenis tingkah laku pasangan yang membawa kepada kefungsiiaan perkahwinan (Kamey & Bradbury, 1995). Seperti diketahui umum, personaliti dapat meramal tingkah laku manusia, dan setiap tingkahlaku ditentukan oleh personaliti (Paunonen, 2003).





Di dalam kajian ini, pengkaji berfokus kepada ciri-ciri personaliti dalam diri individu dan hubungannya dengan daya tindak khusus dalam perkahwinan. Perkahwinan adalah pusat yang penting yang memerlukan daya tindak yang berulang-ulang. Daya tindak ini adalah tindakan khusus yang diambil di dalam sesuatu situasi konflik bagi mengurangkan masalah di dalam perkahwinan. Dimensi usaha daya tindak di dalam perkahwinan yang terdapat di dalam *Marital Coping Inventory* (MCI) adalah konflik, pendekatan positif, menyalahkan diri, mementingkan diri dan pengelakan (Bowman, 1990), manakala dimensi personaliti di dalam *NEO-Five Factor Inventory* (NEO-FFI) adalah neurotik, ekstrovert, keterbukaan, kebersetujuan dan ketekunan. Persoalan yang ingin di jawab melalui kajian ini ialah :



- a. Adakah dimensi personaliti mempunyai hubungan dengan dimensi daya tindak perkahwinan ?
- b. Adakah terdapat perbezaan daya tindak perkahwinan berdasarkan faktor demografi (jantina, tempoh perkahwinan dan kategori umur) ?

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan :

1. Untuk melihat hubungan faktor personaliti dengan daya tindak perkahwinan.





2. Untuk melihat perbezaan daya tindak perkahwinan berdasarkan faktor demografi (jantina, tempoh perkahwinan dan kategori umur).

Kepentingan Kajian

Individu yang memutuskan untuk memulakan alam rumah tangga sewajarnya telah matang dan bersedia dari pelbagai sudut dalaman dan luaran untuk menempuhi risiko yang bakal mendatang. Malangnya, mereka berhadapan dengan tekanan dalam menghadapi proses transisi ini serta masalah penyesuaian di dalam persekitaran tersebut. Oleh yang demikian, apabila muncul permasalahan di dalam rumah tangga, terdapat cara yang tertentu yang dipilih oleh pasangan untuk mengurangkan ketegangan yang timbul. Cara atau daya tindak yang dipilih biasanya selaras dengan personaliti yang dimiliki oleh individu tersebut. Oleh yang demikian, dengan mengetahui hubungan di antara personaliti dengan daya tindak, maka usaha dan intervensi dapat dilakukan untuk memberi persediaan kepada pasangan untuk berhadapan dengan permasalahan di dalam perkahwinan. Dengan cara sedemikian, ia dapat mengurangkan penceraian yang sering berlaku dan meningkat dan keharmonian rumah tangga yang kian merosot.





Definisi Konsep dan Operasional

Di dalam kajian ini terdapat dua konsep utama yang dibincangkan iaitu personaliti dan daya tindak.

a. Personaliti

Istilah personaliti muncul dari perkataan Latin ‘persona’ yang bermaksud topeng. Istilah ini merujuk kepada topeng yang dipakai oleh pelakon Roman di dalam sebuah drama Greek sebelum kelahiran Christ, (Feist & Feist, 1998). Justeru itu, personaliti diandaikan sebagai topeng untuk bertingkah laku di hadapan umum. Ia merupakan aspek yang dipilih oleh seseorang individu untuk menonjolkan dirinya pada dunia. Definisi ini menggambarkan personaliti merupakan aspek yang penting bagi manusia untuk menyembunyikan diri lantaran beberapa sebab dan alasan tertentu. Personaliti juga merujuk kepada ciri-ciri psikologi individu dari sudut emosi, mental dan keagamaan yang tekal dan berbeza dengan individu lain (Mc Martin, 1995).

Dalam menerangkan personaliti, ahli teori melihat bagaimana seseorang individu sama dengan individu lain dan bagaimana individu tersebut berbeza dengan individu lain. Sehubungan dengan itu, matlamat teori personaliti sebenarnya adalah untuk menerangkan dan menghuraikan perbezaan individu dari sudut





bagaimanakah manusia itu kelihatan dan kenapa manusia bertindak sedemikian. Terdapat beberapa pandangan yang ditekankan mengenai personaliti berdasarkan faktor-faktor berikut :

- i. Genetik : Kebanyakan daripada teori menerangkan personaliti berasaskan kepada genetik. Terdapat ahli teori menyatakan personaliti dibina melalui baka atau disebabkan oleh keperluan psikologi (Freud & Skinner). Jung, Horney, Rogers dan Maslow pula menekankan keperluan untuk memenuhi keperluan psikologi bagi menuju ke arah nirwana sendiri.
- ii. Tret : Manusia berbeza di antara satu sama lain disebabkan oleh tret yang mereka miliki. Beberapa tret yang dimiliki oleh manusia dipelajari dari individu lain dan persekitaran berasaskan potensi baka. Ahli teori tret percaya bahawa seseorang memiliki tret yang kekal sepanjang hidup dan tret tersebut menjadi konsisten sepanjang masa dan di dalam beberapa situasi. Allport, Eysenck dan Cattell merupakan psikologi-psikologi yang mendukung andaian ini.
- iii. Sosiobudaya : Budaya akan menentukan apakah perkara dan amalan yang seharusnya dilakukan oleh seseorang di dalam perkahwinan, pendidikan dan agama. Budaya akan menerangkan perbezaan individu berasaskan budaya yang berbeza. Personaliti individu dipengaruhi oleh tahap sosioekonomi, saiz keluarga, susunan kelahiran, identifikasi bangsa dan agama. Justeru itu, Adler,





Horney dan Erikson menekankan faktor sosiobudaya sebagai penentu personaliti seseorang.

- iv. Pembelajaran : Ahli teori pembelajaran menyatakan kita adalah apa yang telah diterima dalam kewujudan kita. Ini bermaksud jika sejarah seseorang diterima dengan cara yang berbeza, maka personaliti seseorang turut diterima dengan cara berbeza. Apa yang menyebabkan seseorang itu berjaya atau tidak adalah bergantung kepada bentuk ganjaran yang diterimanya, bukan ditentukan oleh genetik. Ahli teori pembelajaran menerangkan bahawa seseorang individu boleh mengawal perkembangan personalitinya dengan mengawal persekitarannya. Di antara beberapa tokoh yang mendasari pendekatan ini



adalah Skinner, Dollard & Miller, Bandura dan Mishel.

- v. Proses Kognitif : Terdapat beberapa teori yang memberi penekanan terhadap proses kognitif iaitu proses yang menentukan bagaimana maklumat diperolehi daripada persekitaran yang dilihat, diambil, dipindahkan dan bertindak balas terhadapnya. Pendekatan ini mementingkan pengalaman masa kini dan matlamat di masa akan datang dalam menentukan tingkah laku dan kepentingan masa lalu. Teori yang berbentuk proses kognitif ini didasari oleh Bandura, Mischell dan Kelly.

Berdasarkan kepada beberapa huraian di atas, jelas bahawa personaliti dapat dilihat dari pelbagai sudut. Dalam kajian ini, definisi operasional personaliti yang





dibincangkan adalah personaliti yang digariskan oleh personaliti *NEO-Five Factor Inventory* (NEO-FFI) Costa & Mc Crae, (1992). NEO-FFI mewakili struktur tret yang mengandungi lima domain skala iaitu neurotik (*neuroticism*), ekstrovert (*extraversion*), keterbukaan (*openness*), kebersetujuan (*agreeableness*) dan ketekunan (*conscientiousness*) :

a. Neurotik (*Neuroticism*) (N)

Neurotik merupakan kecenderungan mengalami pengalaman yang negatif seperti takut, kesedihan, rasa malu, marah, bersalah dan benci serta lebih kepada perasaan sangsi bila berhadapan dengan *distress* psikologi.



b. Ekstrovert (*Extraversion*) (E)

Merupakan tret bagi individu yang suka bergaul. Individu sedemikian menyukai individu lain dan lebih suka bergaul dengan kelompok yang lebih besar serta asertif, aktif dan suka bercakap. Mereka juga suka kepada keseronokan dan rangsangan dan agak riang. Mereka turut ceria, cergas dan optimis. Aspek yang terkandung di dalam ekstrovert adalah mesra, suka berkawan, asertif, aktif, mencari keseronokan dan emosi yang positif.

c. Keterbukaan (*Openness*) (O)

Elemen O adalah imaginasi yang aktif, perasaan estetika, memberikan tumpuan kepada perasaan dalaman, mengutamakan kepelbagaian, sifat ingin tahu yang





bersifat ilmiah serta bebas memberikan pandangan. Individu sedemikian mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengetahui dunia dalaman dan luaran. Kehidupan mereka juga kaya dengan pengalaman. Mereka juga berminat dengan idea-idea novel dan nilai-nilai tidak konvensional. Mereka lebih berminat mengalami emosi yang positif dan negatif dari berhubung rapat dengan individu lain. Di antara beberapa aspek yang terkandung di dalam keterbukaan adalah fantasi, estetik, perasaan, tindakan, idea-idea dan nilai.

d. Kebersetujuan (*Agreeableness*) (A)

Merupakan kecenderungan terhadap perhubungan interpersonal. Individu seperti ini amat altruistik, bersimpati terhadap orang lain dan berkeinginan untuk membantu individu lain serta percaya bahawa orang lain juga sama akan membantunya kembali. Aspek yang terkandung di dalam kebersetujuan adalah kepercayaan, berterus terang, altruistik, kepatuhan dan rendah hati dan pemikiran yang mudah goyah.

e. Ketekunan (*Conscientiousness*) (C)

Individu ini mempunyai matlamat diri, berkeyakinan, keazaman dan bercita-cita tinggi. Digman & Chock (1981 dalam Costa & McCrae, 1992) telah merujuk domain ini kepada *will to achieve*. Individu yang banyak memiliki trait ini, secara positifnya mempunyai hubungan dengan prestasi akademik dan pekerjaan. Secara negatifnya akan membawa kepada gangguan, cerewet, pembersih yang kompulsif





atau bertingkah laku *workaholic*. Aspek yang terkandung di dalam ketekunan adalah kecekapan, berperaturan, penuh bertanggungjawab, berusaha ke arah pencapaian, disiplin diri dan teliti.

b. Strategi Daya Tindak

Daya tindak didefinisikan sebagai “tindakan khusus yang diambil di dalam sesuatu situasi khusus, bagi tujuan untuk mengurangkan masalah atau tekanan yang diterima, yang diperolehi dari sumber-sumber daya tindak (umumnya, sikap dan kemahiran personel) dan strategi daya tindak (terutamanya cara atau tabiat berhadapan dengan masalah)”, (Bowman, 1990). Ia merupakan proses pelaksanaan tindak balas (Carver, Scheier & Weintraub, 1989). Daya tindak merupakan satu bentuk usaha sendiri dari segi kognitif dan tingkah laku supaya individu dapat mencapai kemahiran, boleh bertolak ansur atau dapat mengurangkan permintaan dalaman dan luaran yang disebabkan oleh keadaan yang menekan (Folkman & Lazarus, 1988 dalam Md. Azman, 1999).

Ini bermaksud bahawa daya tindak adalah cara bagaimana seseorang individu itu berhadapan dengan keadaan yang begitu menekan dan bagaimana dia berjaya menguruskan tekanan supaya dapat keluar dari keadaan ini. Dengan lain perkataan, daya tindak adalah strategi-strategi yang boleh digunakan untuk mengawal tekanan supaya dapat mencapai sepenuhnya potensi kesejahteraan hidup.





Menurut Folkman & Lazarus lagi, terdapat dua jenis daya tindak iaitu daya tindak yang berfokuskan masalah iaitu menyelesaikan masalah atau melakukan sesuatu untuk mengubah sumber tekanan. Kedua, daya tindak yang berfokuskan emosi iaitu mengurangkan atau menguruskan emosi yang *distress* yang berhubung dengan tandasaran situasi. Menurut Menaghan (1983) pula, daya tindak dapat dilihat pada tiga set asas iaitu sumber, gaya dan usaha. Sumber adalah sikap umum dan kemahiran (kemahiran intelektual dan kemahiran interpersonal). Gaya pula adalah strategi daya tindak yang didefinisikan sebagai tipikal iaitu tabiat yang sering dilakukan sebagai cara untuk mendekati masalah, manakala usaha adalah tindakan yang khusus (nyata dan tidak nyata) yang diambil pada situasi yang khusus, yang dirasakan dapat mengurangkan masalah dan tekanan yang diterima.



Selain dari itu, daya tindak juga dikatakan sebagai satu usaha untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Masalah pula merupakan kesukaran yang dihadapi oleh individu dalam sesuatu situasi/tugas yang beliau belum pernah menghadapinya dan tidak tahu cara menanganinya. Masalah muncul kerana individu mempunyai beberapa matlamat untuk dicapai tetapi tidak tahu bagaimana untuk menghadapi perkara tersebut bagi mencapai matlamatnya. Individu ini akan berhadapan dengan halangan. Tanpa halangan, individu tersebut tidak berhadapan dengan masalah. Maka strategi daya tindak berperanan dalam berhadapan dengan permasalahan ini.





Strategi daya tindak digunakan melalui kematangan dan cara daya tindak yang positif (seperti mengambil pendekatan yang rasional) dan tidak mengambil tindakan yang kurang matang atau tidak tersuai. Khususnya, usaha individu ini adalah dari sudut tingkah laku dan kognitif untuk menangani (mengurangkan atau menguasai) desakan dalaman dan luaran yang berinteraksi dalam persekitaran individu tersebut. Desakan sedemikian dilihat sebagai membebankan dan melampaui sumber yang ada pada individu yang menghadapinya. (Folkman et. al., dalam Mahan & Shaughnessy, 1999). Terdapat tiga kategori daya tindak iaitu :

- i. Masalah yang dihadapi ditangani secara langsung
- ii. Menginterpretasi semula masalah
- iii. Menguruskan tekanan emosi yang didapati daripada masalah tersebut.



Untuk definisi operasional, daya tindak didasari oleh lima dimensi yang terdapat di dalam soal selidik *Marital Coping Inventory* (MCI) iaitu :

- a. Konflik : Konflik, antagonisma, kritikan dan sindiran di antara pasangan
- b. Menyalahkan diri sendiri : Maklum balas emosi yang negatif dan kegelisahan perasaan seperti kemurungan dan kebimbangan
- c. Pendekatan positif : Menggambarkan kasih sayang melalui fizikal, keseronokan dan berusaha untuk berkongsi pelbagai aktiviti untuk dijadikan kenangan yang indah



- d. Mementingkan diri : Memperlihatkan salah seorang pasangan atau keduanya banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti di luar dari perkahwinan
- e. Pengelakan : Perasaan yang dinafikan, direpressi atau disupressi.

Kerangka Kajian

Pembolehubah Bebas

NEO-FFI PERSONALITY

1. Neurotik
2. Eksrovert
3. Keterbukaan
4. Kebersetujuan
5. Ketekunan

FAKTOR DEMOGRAFI

Jantina
Umur
Tempoh Berkahwin

Pembolehubah Terikat

MARITAL COPING INVENTORY

1. Konflik
2. Menyalahkan diri sendiri.
3. Pendekatan Positif
4. Mementingkan diri
5. Pengelakan



Teori dan Model Kajian

a. Five Factor Model of Personality

Model ini terhasil dari minat terhadap teori-teori tret yang telah dihasilkan oleh beberapa ahli psikologi (Costa & McCrae, 1985; Digman, 1989, 1996; Goldberg, 1990, 1993; McCrae & Costa, 1985, 1987, 1996 dalam Hergenhahn dan Olson, 1999) yang mencabar analisis Cattell dan Eysenck. Model ini telah menawarkan alternatif kepada lima pilihan faktor. Lima faktor itu adalah neurotik dan ekstrovert (sama seperti cara pendefinisian Eysenck), keterbukaan, kebersetujuan dan ketekunan.





c. Teori Pertukaran Sosial (Sosial Exchange Theory)

Teori Pertukaran Sosial adalah teori tentang kajian perkahwinan dan perhubungan intim yang dijalankan oleh Thibaut dan Kelley's (1959 dalam Kamey & Bradbury, 1995). Ia merupakan teori kebergantungan yang menekankan “perhubungan yang bermula, berkembang, merosot dan hancur”. Keadaan ini dilihat sebagai satu proses pertukaran sosial yang terbuka iaitu pertukaran penghargaan dan kos di antara pasangan dan ahli pasangan dan orang lain.

Huston & Burges (1979) dan Levinger (1965) adalah individu yang mengaplikasi konsep pertukaran sosial terhadap perkahwinan. Mereka menjelaskan bahawa kejayaan atau kegagalan perkahwinan bergantung kepada betapa beratnya tarikan perhubungan atau semua aspek di dalam perhubungan seperti penghargaan (contohnya keselamatan emosi, keperluan seksual dan status sosial), halangan-halangan untuk menamatkan hubungan (ketegangan agama dan sosial dan perbelanjaan kewangan) dan wujudnya pilihan di luar perhubungan yang lebih menarik (pasangan lebih berminat untuk meninggalkan perhubungan). Menurut perspektif ini, perkahwinan diakhiri apabila terdapat hanya sedikit tarikan perhubungan, hanya sedikit halangan meninggalkan perhubungan dan pelbagai pilihan yang mengganggu perhubungan.





Melalui idea ini, Lewis dan Spanier (1979, 1982 dalam Kamey & Bradbury, 1995) telah membentuk jenis pertukaran perhubungan di dalam perkahwinan. Menurut mereka, perkahwinan akan menghasilkan dimensi *orthogonal* iaitu perkahwinan yang mendapat kepuasan dan perkahwinan yang stabil. Perkahwinan tersebut adalah puas dan stabil, puas tetapi tidak stabil, tidak puas tetapi stabil, tidak puas dan tidak stabil, tidak puas tetapi tidak stabil. Konsep pertukaran sosial menjelaskan bahawa pasangan diletakkan di dalam kuadran yang khusus. Contohnya, bagi pasangan yang berada di dalam kuadran tidak puas tetapi stabil diandaikan bahawa tarikan di dalam perhubungan adalah lemah tetapi halangan untuk meninggalkan perhubungan adalah amat tinggi untuk dilakukan. Bagi individu yang berada di dalam kuadran puas-tidak stabil, tarikan di dalam perhubungan adalah mencukupi, tetapi halangan untuk meninggalkan pasangan amat rendah walaupun terdapat beberapa alternatif di luar perhubungan yang lebih menarik.

Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi di dalam kajian ini iaitu :

1. Alat ukur di dalam kajian ini tidak pernah digunakan di dalam konteks masyarakat Malaysia. Kebolehpercayaan yang tidak begitu tinggi mungkin kerana pengkaji tidak dapat menggunakan sampel yang lebih besar untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur di dalam praujian. Lantaran





kekangan masa, nilai kebolehpercayaan alfa di dalam setiap dimensi adalah agak rendah.

2. Pengkaji turut berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan kajian lampau tentang bahan-bahan yang dikaji. Tidak banyak kajian lampau yang menggunakan instrumen MCI untuk melihat daya tindak perkahwinan. Kebanyakan kajian lalu banyak menggunakan NEO-PI untuk melihat hubungan dengan perkahwinan, berbanding penggunaan NEO-FFI. Oleh yang demikian, wujud kesukaran bagi pengkaji untuk mendapatkan banyak kajian lampau yang membincangkan penggunaan alat ukur ini dengan perkahwinan. Tambahan pula tidak terdapat kajian lampau yang melihat perhubungan di antara kedua-dua instrumen ini. Lantaran itu, tinjauan kajian lepas tidaklah “*exhaustive*”.

Hipotesis Kajian

Untuk hipotesis pertama hingga kelima, pengkaji menumpukan kepada hubungan di antara personaliti dengan daya tindak perkahwinan.

Hubungan di antara personaliti dengan daya tindak perkahwinan

1. Hipotesis Pertama (H_0)

Tidak terdapat hubungan di antara neurotik dengan dimensi daya tindak perkahwinan.





2. Hipotesis Kedua (H_0)

Tidak terdapat hubungan di antara ekstrovert dengan dimensi daya tindak perkahwinan.

3. Hipotesis Ketiga (H_0)

Tidak terdapat hubungan di antara keterbukaan dengan dimensi daya tidak perkahwinan.

4. Hipotesis Keempat (H_0)

Tidak terdapat hubungan di antara kebersetujuan dengan dimensi daya tindak perkahwinan



5. Hipotesis Kelima (H_0)

Tidak terdapat hubungan di antara kebersetujuan dengan dimensi daya tindak perkahwinan.

Bagi hipotesis keenam hingga kesepuluh, pengkaji melihat perbezaan dimensi daya tindak mengikut jantina.

6. Hipotesis Keenam (H_1)

Terdapat perbezaan daya tindak konflik mengikut jantina.





7. Hipotesis Ketujuh (H_1)

Terdapat perbezaan daya tindak menyalahkan diri mengikut jantina

8. Hipotesis Kelapan (H_0)

Tidak terdapat perbezaan daya tindak pendekatan positif mengikut jantina

9. Hipotesis Kesembilan (H_1)

Terdapat perbezaan daya tindak mementingkan diri mengikut jantina

10. Hipotesis Kesepuluh (H_1)

Terdapat perbezaan daya tindak pengelakan mengikut jantina



Hipotesis ke sebelas dan kedua belas, pengkaji melihat perbezaan daya tindak mengikut kategori umur dan tempoh perkahwinan.

11. Hipotesis Kesebelas (H_1)

Terdapat perbezaan dimensi daya tindak mengikut kategori umur.

12. Hipotesis Kedua belas (H_1)

Terdapat perbezaan dimensi daya tindak mengikut tempoh perkahwinan.

